

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
PEJABAT BENDAHARI**

KUITTHO.PB/10.12/04(7)

10 Februari 2003

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2 /2003

Semua Pengurus Bahagian

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
Parit Raja, Batu Pahat

Assalamualaikum

Y.Bhg.Dato'/Prof/Tuan/Puan,

**TATACARA MENGENAI BAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN AP 58(a) DAN AP 58 (b)**

Pekeliling ini bertujuan menerangkan tatacara mengemukakan bayaran tuntutan dan bil tahun lepas yang perlu dibayar menggunakan peruntukan tahun semasa yang perlu dipatuhi oleh semua pusat tanggungjawab.

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) telah meluluskan pemakaian Arahan Perbendaharaan tersebut di Mesyuarat LPU bil 1/2003 yang diadakan pada 22 Januari 2003.

1.0 PENERANGAN

- 1.1 Pekeliling ini menerangkan peraturan dan tindakan yang perlu diambil mengenai proses mengemukakan bayaran tuntutan dan bil dibawah **AP 58(a) AP 58(b)** yang pemakaiannya disesuaikan mengikut keperluan Universiti tanpa penglibatan pihak-pihak seperti Akauntan Negara atau Setiausaha Perbendaharaan.
- 1.2 Pembayaran Di bawah Arahan Perbendaharaan AP 58(a) & AP 58(b) belum dikuatkuasakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti di mana pembayaran bagi tanggungan tahun kewangan yang lama tidak dikawal dan tidak diberi perhatian sewajarnya oleh Pengurus Bahagian sehingga menjejaskan peruntukan tahun semasa.
- 1.3 Terdapat pembayaran yang agak besar bagi tanggungan tahun kewangan yang lama tidak disenaraikan di bawah tanggungan PTJ untuk di bawa ke

tahun hadapan menyebabkan pembayaran tersebut terpaksa dikenakan pada peruntukan tahun semasa.

2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Semua tuntutan dan bil-bil tahun lalu yang tidak dibayar menggunakan peruntukan tahun berkenaan dan tidak disenaraikan di dalam Sipiutang atau Tanggungan serta lewat dikemukakan untuk pembayaran adalah tertakluk dibawah arahan ini.
 - 2.2 Semua Pusat Tanggungjawab dikehendaki mengisi borang (Format A) yang perlu disahkan oleh Pengurus Bahagian dan dikemukakan ke Pejabat Canselori untuk kelulusan Rektor.
 - 2.3 Borang tersebut yang telah diluluskan oleh Rektor berserta dengan dokumen-dokumen lain hendaklah dikemukakan ke **Pejabat Bendahari** mengikut prosedur biasa.
 - 2.4 Borang senarai pembayaran hendaklah dikemukakan dan peruntukan adalah menggunakan peruntukan Tahun Semasa.
 - 2.5 Rektor mengikut Pertimbangan beliau boleh mengesyorkan supaya staf yang terlibat dengan kelewatan serta gagal mengambilkira sebagai sipiutang atau tanggungan diambil tindakan tatatertib dan dikenakan surcaj.
- 3.0 Petikan penuh Arahan Perbendaharaan AP 58(a) dan AP 58(b) adalah seperti dilampiran.

4.0 TARIKH KUATKUASA


- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

Kerjasama dan perhatian Y.Bhg.Dato'/Prof/Tuan/Puan supaya dapat memanjangkan kepada pegawai PTJ yang berkenaan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Tel:4536007

- s.k
- Y.Bhg. Rektor
 - Y.Bhg. Timbalan Rektor (HEP)
 - Y.Bhg. Dato' Timbalan Rektor (Akademik)
 - Ketua Unit Audit Dalam

ABH/nbr/070203/pekeliling bendahari

FORMAT A

SIJIL KELULUSAN AP 58(a)

1. Nama Pusat Tanggungjawab :
2. Kod Program Aktiviti/ Aktiviti Perbelanjaan Dipertanggungkan :
3. Nama Dan Alamat Penerima :
4. Amaun Dalam Baucar :
5. Objek Sebagai :
6. Tahun Perbelanjaan Dipertanggungkan :
7. Baki Peruntukan Tahun Luput Semasa Perbelanjaan Dipertanggungkan :
8. Baki Peruntukan Tahun Luput Sehingga 31 Disember:
9. Baki Peruntukan Tahun Semasa :
10. Sebab-sebab Kelewatan :
11. Nama dan Jawatan Pegawai yang bertanggungjawab ke atas kelewatan :
 Nama :
 Jawatan :

Saya mengesahkan bahawa butir-butir di atas adalah betul dan tiada bayaran dua kali ke atas Pusat Tanggungjawab yang sama akan berlaku.

.....
 Tandatangan Pengurus Bahagian

Nama :
 Cop Rasmi PTJ

(Untuk kegunaan Pejabat Bendahari)

Rujukan Kami :

PERMOHONAN DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN

Tarikh :

Catatan : Tandatangan Rektor

Nama :
 Cop Rasmi/ Cop Rasmi Jabatan: